

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Kepala Batas yang bertanyakan soalan ini berkaitan hasrat visi Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 di dalam pendekatan hubungan luar Malaysia di peringkat serantau.

2. Kerjasama serantau yang ditunjangi ASEAN merupakan tonggak utama dasar luar negara. ASEAN juga adalah badan paling penting untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini. Oleh yang demikian, pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2015 merupakan salah satu keutamaan dasar luar negara.

3. Pada masa yang sama, integrasi ekonomi menjadi salah satu komponen terpenting dalam usaha membentuk Komuniti ASEAN. Malahan dalam ucap tama YAB Perdana Menteri, beliau telah menekankan bahawa disebabkan saiz penduduknya yang relatif kecil, ekonomi Malaysia akan sentiasa bergantung kepada aktiviti perdagangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Pembentukan AEC pada tahun 2015 bakal menyediakan pasaran terbuka merangkumi 600 juta orang penduduk dengan pergerakan bebas perdagangan barangan, perkhidmatan, pelaburan, modal dan tenaga kerja. Usaha sebegini bukan saja dapat menggalakkan dagangan di antara negara-negara ASEAN, malah dapat menarik minat para pelabur

asing dan dagangan ke rantau ini. Secara tidak langsung ianya dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara-negara yang terlibat.

5. Oleh yang demikian, Malaysia amat komited terhadap usaha-usaha ke arah pembentukan AEC. Sehingga Disember 2013, Malaysia telah melaksanakan sebanyak 80 peratus daripada langkah-langkah (*measures*) keseluruhan di bawah Pelan Induk Komuniti Ekonomi ASEAN. Malaysia juga telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memastikan objektif AEC tercapai dengan jayanya. Ini termasuk memastikan agar komitmen-komitmen yang telah dipersetujui dalam pelbagai bidang sektoral seperti pengangkutan, integrasi pasaran keawangan, ICT, kerjasama tenaga, liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan dan sebagainya dilaksanakan mengikut jadual seperti yang ditetapkan of Majlis AEC.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Selain itu, ASEAN juga perlu memastikan *key deliverables* yang telah dipersetujui oleh ASEAN dengan rakan-rakan dialognya seperti China, Jepun Korea, India, Australia dan New Zealand, Rusia, Kesatuan Eropah dan Kanada dipatuhi dan dilaksanakan dengan sewajarnya.

7. AEC pada tahun 2015 perlu dilihat sebagai satu sasaran pelaksanaan komitmen-komitmen ASEAN dalam memperkukuhkan lagi integrasi ekonomi ASEAN. Ini tidak bermaksud integrasi ekonomi ASEAN akan berhenti selepas 2015.

8. Oleh yang demikian, Negara-negara ASEAN perlu melihat AEC sebagai satu inisiatif yang berterusan walaupun selepas 2015 kerana usaha-usaha pembentukan Komuniti ini perlu dilakukan secara konsisten dan berterusan demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.